

---

Title	M26
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

---

Copyright © 1988 Muhammad Ariff bin Ahmad

SBC – RADIO 2: RECORDING ON .....

mpm26 [181]

PROGRAMME : MESTIKA PUSAKA [M26]

PRODUCER .: NORDIN KASSIM

SCRIPTWRITER HAJI MUHAMMAD ARIFF AHMAD

PRESENTER 1 . .....

PRESENTER 2 : .....

DATE OF BROADCAST: 06 OCT 88 .....

DATE OF REPEAT: 08 OCT 88 .....

Okt 01, 1988

=====  
GRAM SIGNATURE TUNE [THEME SONG].. UNDER..

ANNC Salam sejahtera dan salamukhuwah..  
Para pendengar yang mulia lagi terhormat!  
Syukurlah bahawa kita berada dalam keadaan sihat dan afiat..  
Maka dengan izin Allah yang Maha Esa lagi Maha Berkuasa..  
dapatlah kita bertemu semula dalam kesempatan berbeka bi-  
cara menerusi ruangan kesayangan kita: MESTIKA PUSAKA..  
Sebagai tanda kesyukuran itu, marilah kita menfaatkan saat  
sejahtera ini dengan mengikuti satu lagi beka bicara yang  
mengenai beberapa peribahasa, warisan yang terpusaka..  
Dengan demikian, mudah-mudahan.. sambil menikmati periba-  
hasa-peribahasa pusaka itu akan bertambah pula kebijaksa-  
naan kita, sehingga dapat kita menfaatkan kebijaksanaan  
itu sebagai pembimbing kita mendaki kehidupan yang penuh  
dengan liku dan ranjau..

GRAM THEME SONG.. LINK MUSIC..

PRES 1 Para pendengar yang sentosa lagi bahagia!  
Untuk mendapatkan sesuatu yang dikehendaki, seseorang itu  
haruslah berusaha bersungguh-sungguh, bekerja kuat dan  
bersusah payah terlebih dahulu..  
Demikianlah pengajaran yang tersimpul dalam peribahasa  
yang berkata: ditumbuk, dikisar barulah lumat..  
Orang menumbuk menggunakan lesung.. orang mengisar meng-  
gunakan mesin.. menumbuk tepung dengan lesung kayu.. me-  
numbuk sambal dengan lesung batu. Mengisar kopi.. mengi-  
sar daging.. mengisar rempah dengan mesin pengisar..  
"menumbuk" dan "mengisar" lain caranya.. namun tujuannya  
sama sahaja.. mahukan yang ditumbuk atau yang dikisar itu  
menjadi lumat.. iaitu jadi hancur dan halus bak serbuk..

[182] PRES 2: Peribahasa..

- PRES 2 Peribahasa: ditumbuk, dikisar barulah lumat.. menggalakkan orang supaya rajin berusaha.. jangan mahun memperolehi sesuatu benda, tetapi tidak mahu berusaha.. seperti kata peribahasa: menanti nanti tersaji ke lutut.. yang juga disebut: menantikan nasi disajikan di mulut..  
Orang yang demikian itu disindir peribahasa dengan perkataan: malas bergarit, perut perit.. ataupun disindir dengan karmina seloka yang berkata: emas perak tembaga suasa .. malas bergerak tidak merasa!
- PRES 1 Peribahasa: menanti nasi tersaji ke lutut.. atau variasinya: menantikan nasi disajikan ke mulut tadi menyindir orang-orang yang malas bekerja.. malas berusaha.. orang yang hanya mengharapkan pemberian dan belas kasihan orang sahaja.. seperti orang yang putus asa!  
Orang-orang begini, biasanya, apabila mereka berasa hampa; atau tidak beroleh sesuatu apa.. maka segera mereka.. menyalahkan Takdir Yang Maha Esa.. mereka lupa: bahawa orang malas Allah Murka.. kerana "malas" perangai yang hina!
- PRES 2 Peribahasa: malas bergarit, perut perit itu jelas menegaskan bahawa barangsiapa yang malas berusaha.. pasti lapar sepanjang masa.  
Kekata "bergarit" dalam peribahasa tersebut bermakna bergerak.. iaitu menggerakkan tulang empat kerat.. yang mengungkap "rajin bekerja".. rajin berusaha; manakala "perit" itu pula bermakna pedih. Maka "perut perit" atau "perut pedih" itu mengungkap: menderita kelaparan.. atau menderita kebuluran!
- PRES 1 Akan karmina: emas perak tembaga suasa; malas bergerak tidak merasa itu pula menerjemahkan bahawa emas perak tembaga dan suasa itu ialah harta dunia.. yang melambangkan kemakmuran dan tahap bahagia.. atau menunjukkan status kejayaan yang hendak dicapai manusia! Dalam perkataan harian, "tembaga" disebut juga perunggu atau gangsa..  
Dalam sukan.. yakni lambang perlumbaan hidup manusia.. pingat emas dihadiahkan kepada pemenang pertama.. pingat perak bagi pemenang kedua.. dan pemenang ketiga dihadiahi

PRES 1  
(contd)

pingat tembaga.. yang disebut perunggu atau gangsa..  
Seseorang tidak akan memperolehi emas.. atau perak.. atau tembaga.. ataupun suasa, jika dia tidak berusaha.. jika dia tidak menggerakkan anggota!

"suasa" ialah campuran emas dengan perak.. bukan emas sepuluh mutu; tetapi bukan pula emas lancung yang palsu.. begitupun, untuk mendapatkan logam itu.. upaya dan usaha mestilah berpadu! Tidak ada emas tanpa gemas.. tidak ada perak tanpa gerak.. tidak ada tembaga tanpa tenaga.. dan, tidak ada suasa tanpa jasa!

PRES 2

Adapun peribahasa: tulang empat kerat tadi mengungkap daya tenaga dan keupayaan seseorang.. dan yang dimaksudkan dengan "tulang empat kerat" itu ialah sepasang tangan dan sepasang kaki.. anggota asas meraih rezeki!

Selagi manusia tidak segan menggerakkan tulang yang empat kerat tadi.. selagi itulah kelaparan dapat dihindari.. dan kebuluran dapat dijauhi.. kerana ada pula peribahasa yang menyebut: ringan tulang berat perut; berat tulang ringan perut.

PRES 1

"ringan tulang" mengungkap rajin, manakala "berat tulang" mengungkap malas.. sedangkan: "berat perut" mengungkap kenyang.. dan, "ringan perut" itu mengungkap lapar! Maka tulang yang dikatakan "ringan" atau "berat" dalam peribahasa itu ialah tulang yang empat kerat tadi juga!

PRES 2

Maka peribahasa: ringan tulang berat perut; berat tulang ringan perut tadi menerjemahkan kebijaksanaan bahawa barangsiapa rajin berusaha maka murahlah rezekinya.. manakala orang-orang yang malas berkerja nescaya payahlah mereka mendapatkan belanja!

GRAM

LINK MUSIC..

PRES 1

Para pendengar yang jauhari lagi bistari!

Ada peribahasa yang berkata: kail sebetuk umpan seekor, sekali putus sehari berhanyut.. Ada juga orang yang menyebut peribahasa itu dengan kata: kail sebetuk umpan seekor, sehari putus sehari hanyut..

Peribahasa itu menyindir orang yang berbuat sesuatu tanpa

PRES 1  
(contd)

memikirkan bekalan atau modalnya.. maka tidaklah menghairankan jika kesudahan perbuatannya itu mengecewakan dirinya sendiri..

Seseorang yang berniaga dengan modal sekait.. yakni modal yang sedikit.. jika ia rugi.. maka sukarlah dia hendak berdiri kembali.. untuk meneruskan perniagaannya lagi!

Peniaga begini, biasanya, cuba mengatasi masalahnya dengan cara gali lubang tutup lubang.. untuk cuba meneruskan perniagaannya.. sehingga dapat dia bertapak kembali.. atau, sehingga dia muflis, papa sekali!

PRES 2

Peribahasa: gali lubang tutup lubang tadi mengungkap perbuatan seseorang meminjam wang daripada seorang peminjam untuk membayar hutangnya yang terdahulu. Perbuatan yang demikian diulangi beberapa kali.. pinjam di sana pinjam di sini.. buat pinjaman baru.. untuk membayar hutang yang lalu..

Perbuatan begini amatlah berbahaya.. kerana hal itu meletakkan seseorang dalam keadaan serba tak kena.. sentiasa cemas dan waswas.. sentiasa dihantui prasangka yang tidak-tidak.. jiwanya tidak tenang.. kadang-kadang, perasaannya tidak tenteram!

PRES 1

Untuk mengelakkan segala kemungkinan yang negatif itu, peribahasa: kail sebetuk umpan seekor, sekali putus sehari berhanyut tadi menganjurkan supaya seseorang itu lebih bersiap sedia.. apabila hendak berbuat sesuatu perkara..

Modal yang memadai harus disediakan.. rancangan yang kemas harus disiapkan.. strategi yang teratur perlu pula direncanakan! Setelah itu barulah: dengan semangat yang teguh.. dengan keyakinan yang penuh.. ayuh berkayuh.. mulakanlah langkah.. dengan "bismillah.."

PRES 2

Dalam pada itu, janganlah lupa kepada peribahasa yang berkata: naik tangga dari bawah.. atau, yang ditempat lain disebut: berjenjang naik bertangga turun..

"jenjang" atau "janjang" ialah tingkat-tingkat atau tahap ataupun keadaan bertangga-tangga..

Peribahasa: naik tangga dari bawah.. mengarah bahawa jika

PRES 2  
(contd)

hendak mendapatkan sesuatu yang berharga haruslah seseorang itu berikhtiar menurut peraturannya.. jika hendak mencapai kedudukan yang tinggi hendaklah berusaha peringkat demi peringkat mengikut tahapnya.. tingkat demi tingkat.. beransur-ansur memanjat.. dan terus memanjat.. sesuai dengan kehendak peribahasa yang berkata: kerja beragak tak menjadi; kerja beransur tak bertahan!

PRES 1

Peribahasa: kerja beragak tak menjadi; kerja beransur tak bertahan itu membawa kebijaksanaan bahawa sesuatu pekerjaan yang banyak kali ditangguh-tangguhkan.. atau yang selalu dikira tetapi tidak dikerjakan.. amatlah pekerjaan itu tidak akan menjadi. Sebaliknya, jika pekerjaan itu dibuat dengan beransur-ansur.. maka lambat-laun pekerjaan itu akan sudah juga.. akan selesai pada akhirnya.. sesuai dengan kata serangkap pantun pusaka:

PRES 2

Ayam ditambah juragan empat,  
Terbang lari waktu fajar;  
Biar lambat asal selamat,  
Tidak lari gunung dikejar!

GRAM

LINK MUSIC..

PRES 1

Para pendengar yang cendekia lagi bijaksana!  
Peribahasa yang berkata: orang yang menunggu perigi itu masakan mati dahaga itu ada dua variasinya, iaitu: orang yang menunggu perigi itu bilakah ia mati dahaga? dan.. orang yang menunggu perigi itu tidakkan ia mati dahaga.. Perbezaan antara ketiga peribahasa itu ialah tentang penggunaan frasa masakan mati dahaga.. dengan: bilakah ia mati dahaga? dan dengan: tidakkan ia mati dahaga.. Ternyata bahawa perbezaan itu hanya pada eksprasinya sahaja.. sedangkan pada maknanya.. sama sekali tidak berbeza!

PRES 2

Adapun makna peribahasa: orang yang menunggu perigi itu masakan mati dahaga.. dan variasi-variasinya itu ialah orang-orang yang berdampingan dengan raja-raja.. atau dengan orang-orang besar.. atau dengan orang-orang kaya.. biasanya, mereka tidak akan beroleh susah atau menderita

PRES 2 (contd) siksa.. kerana, raja dan orang-orang besar ada kuasa.. manakala orang-orang kaya banyak harta. Maka orang-orang yang berdampingan dengan mereka.. setidak-tidaknya terlindung juga; kerana lumrah dunia: orang tunduk pada kuasa .. orang silau pada harta..

PRES Peribahasa: orang yang menunggu perigi itu masakan mati dahaga dan variasinya tadi bermakna .juga bahawa orang-orang yang berdampingan dengan orang yang berilmu, biasanya, tiada bodoh. Kalau pun, barangkali, bodoh pada awalnya.. lama-kelamaan ia akan menjadi orang bijaksana juga.. kerana orang yang berdampingan dengan orang berilmu itu.. peluang mencedok ilmu baginya terbuka selalu.. sedikit, sedikit lama-lama menjadi bukit – kata peribahasa.. sehari selebar benang, lama-lama menjadi sehelai kain – kata peribahasa yang lain pula.

PRES 2 Peribahasa bidalan: sedikit, sedikit lama-lama menjadi bukit itu menerjemahkan ketekunan seseorang mengumpulkan sesuatu.. mengumpul harta yang bermutu: satu demi satu.. mengumpul harta berjuta: sedikit, sedikit tetapi tetap dari mula-mula.. Dengan ketekunan demikian, pasti.. pada suatu hari nanti: yang mengumpul ilmu menjadi cendekiawan.. yang mengumpul harta menjadi jutawan!  
Demikian pula halnya dengan peribahasa yang berkata: sehari selebar benang, lama-lama menjadi sehelai kain.  
Peribahasa itu mengambil iktibar ketekunan orang bertenun. Walaupun tiap hari hanya dapat menjalin benang selebar.. namun, suatu masa kelak tenunan itu akan menjadi sehelai kain yang lebar!

PRES 1 Lainlah halnya dengan orang yang disindir peribahasa dengan kata: hangat-hangat tahi ayam.  
Hangat tahi ayam.. tak sampai pun setengah jam! Peribahasa itu mengungkap sikap orang yang tiada bersungguh-sungguh melakukan sesuatu pekerjaan.. hatinya tidak tertumpu kepada yang dilakukan.. perasaannya cepat bosan.. apabila datang bosan.. kerja itu bengkalai ditinggalkan. Maka sia-sialah masa terbuang.. banyak tenaga yang hilang.. sedang

PRES 1 contd: pekerjaannya..

- PRES 1  
(contd) pekerjaannya tidak meninggalkan apa-apa kesan.  
Maka terbuktiilah kebenaran perkataan seloka karmina: tebu  
pisang ubi keladi; jemu datang rugi jadi..
- PRES 2 Orang yang tidak serius.. tidak bersungguh-sungguh meng-  
garap pekerjaannya.. selalu ditegur peribahasa dengan  
kata: genggam bara api biarlah sampai jadi arang!  
Peribahasa tersebut menggesa seseorang yang melakukan se-  
suatu kerja.. walau betapa susah pekerjaan itu hendaklah  
dikerjakan hingga selesai.. hingga dapat dirasai faedahnya  
.. hingga dapat dinikmati hasilnya.  
Peribahasa itu menggesa.. supaya orang tidak putus asa..  
apabila kepayahan pekerjaan itu mulai terasa.. Apabila pe-  
kerjaan sudah dipegang.. teruskanlah hingga jaya menjelang  
.. alang-alang berminyak biar licin.. alang-alang mandi  
biar basah – kata peribahasa.
- GRAM LINK MUSIC..
- ANNC Para pendengar yang setia lagi budiman!  
Nampaknya, hanya setakat ini sahaja peluang yang terbuka  
bagi kita berbeka bicara mengenai peribahasa dalam kesem-  
patan sekarang. Mudah-mudahan, berkat kesabaran pendengar  
budiman mengikuti siaran ini dengan tekun dan penuh minat,  
akan dapat juga hendaknya para pendengar mengambil iktibar  
dari kebijaksanaan peribahasa-peribahasa yang kita bicara-  
kan sebentar tadi. Semoga pendengar setia dapat memenfaat-  
kan pula segala kebijaksanaan itu, sesuai dengan matlamat  
persembahan MESTIKA PUSAKA.. [PAUSE]  
Akhirnya, bagi pihak penerbit, penyampai dan penulis skrip  
sambutlah salam ukhuwah saya yang teriring doa semoga kita  
sentiasa sihat afiat, sehingga dengannya, akan berpeluang  
pula kita dapat bertemu lagi di lain kesempatan..
- GRAM SIGNATURE TUNE.. FADE.. OFF..